



**PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN
MALAYSIA, JABATAN PERDANA MENTERI**

**ARAHAN PENTADBIRAN
KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN**

BILANGAN 1 TAHUN 2025

GARIS PANDUAN PENULISAN MINIT BEBAS VERSI 2.0

TUJUAN

Garis panduan penulisan ini disediakan bertujuan membantu warga Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) dalam penyediaan minit bebas versi 2.0 mengikut tatacara yang betul, tepat, jelas dan seragam.

LATAR BELAKANG

2. Garis panduan penulisan minit bebas versi 2.0 ini merupakan penambahbaikan dan meningkatkan keberkesanan komunikasi dalaman dan luaran di CGSO. Minit bebas merupakan medium komunikasi utama untuk menyampaikan maklumat, arahan, keputusan, memohon maklumat, pertimbangan dan kelulusan. Kejelasan dan ketetapan isi kandungan minit bebas serta penggunaan format yang seragam akan memudahkan penerima memahami mesej yang hendak disampaikan.

3. Sehubungan dengan itu, garis panduan penulisan minit bebas versi 2.0 ini dikeluarkan sebagai satu inisiatif untuk membantu bagi meminimumkan masa, meningkatkan kualiti komunikasi, memupuk budaya ketepatan dan keseragaman di kalangan warga CGSO.

4. Walau bagaimanapun Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2024 yang dikeluarkan pada 10 Januari 2024 masih boleh digunakan **sebagai rujukan panduan dalam penyediaan surat rasmi, memo dan e-mel** mengikut tatacara yang betul, tepat, jelas dan seragam.

FORMAT MINIT BEBAS CGSO VERSI 2.0

5. Format minit bebas CGSO versi 2.0 hendaklah menggunakan ketetapan seperti yang berikut:

- a) Jenis *Font* Tajuk : Arial Black;
- b) Jenis *Font* Tulisan : Arial;
- c) Saiz *Font* : 14;
- d) Jarak antara barisan : 1.0 – 1.5 *Single Spacing* (mengikut kesesuaian); dan
- e) Kedudukan teks : *Justified*.

6. Minit bebas CGSO versi 2.0 hendaklah mengandungi elemen yang berikut:

- a) Jata Negara;
- b) Kepala minit bebas yang mengandungi;
 - i) Minit Bebas
 - ii) Pengarah (Nama Bahagian/ Negeri/ Unit Integriti)
 - iii) Nama penuh Pejabat CGSO
- c) Nombor Rujukan;
- d) Tarikh;
- e) Panggilan Hormat dan Gelaran Jawatan;
- f) Melalui TKPKK (D) atau TKPKK (O);
- g) Panggilan Hormat;

- h) Tajuk;
 - i) Tujuan;
 - j) Latar Belakang;
 - k) Objektif (mengikut kesesuaian kandungan);
 - l) Butiran Cadangan (pelaksanaan program/ majlis/ bengkel/ kursus/ latihan/ perolehan/ pembangunan dan lain-lain yang berkaitan);
 - m) Implikasi Kewangan (Jika ada);
 - n) Syor daripada Pengarah Bahagian/ Pengarah Negeri/ Ketua Unit Integriti;
 - o) Lampiran (dikepalkan, disusun dan meletakkan nombor siri dan label secara teratur contohnya Lampiran A, B, C) – (Jika ada);
 - p) Sokongan melalui Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Dasar) atau Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Operasi);
 - q) Sokongan Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan (sekiranya melibatkan implikasi kewangan);
 - r) Minit bebas daripada Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) tidak perlu mendapatkan ulasan kewangan daripada Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan; dan
 - s) Keputusan/ Kelulusan oleh Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan.
7. Contoh format minit bebas CGSO versi 2.0 adalah seperti berikut:
- a) Format minit bebas CGSO yang perlu mendapatkan sokongan melalui Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Dasar) atau Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Operasi);
 - b) Contoh format lengkap minit bebas CGSO yang mendapatkan sokongan melalui Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Operasi); dan
 - c) Contoh format lengkap minit bebas CGSO yang perlu mendapatkan sokongan melalui Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK, JPM) dan Kelulusan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN).

Jata Negara		Kepala Minit Bebas Saiz Font : 14 Jenis Font : Arial Black, Huruf Besar, Bold dan Centered
MINIT BEBAS		
PENGARAH (NAMA BAHAGIAN/ NEGERI/ UNIT INTEGRITI) PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA, JABATAN PERDANA MENTERI		
Ruj. Kami : CGSO.XXX-X/X/X JLD. X(XX) Tarikh : Januari 2025 YBhg. Datuk Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Melalui: YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Dasar) <u>atau</u> YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Operasi) YBhg. Datuk,		Panggilan Hormat • Kata Hormat • Gelaran Kebesaran atau • Gelaran Rasmi Jawatan
PERMOHONAN KELULUSAN (NAMA BENGKEL/ KURSUS/ LATIHAN/ CERAMAH/ SEMINAR / PROGRAM / PEROLEHAN / PEMBANGUNAN DAN LAIN-LAIN YANG BERKAITAN)		
Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.		
TUJUAN		
2. Minit Bebas ini adalah bertujuan XXXXXX		Jenis Font Tajuk : Arial Black Saiz Font : 14
Jenis Font Penulisan : Arial Saiz Font : 14		

*Nombor rujukan fail perlu
diletakkan di bahagian atas
sebelah kanan setiap helaian surat*

Saiz Font : 14

Jenis Font : Arial

Warna : Black, Text 1, Lighter 25%

→ Ruj. Kami : CGSO.XXX-X/X/X JLD. X(XX)

LATAR BELAKANG

3. (Nama Bahagian/ Negeri/ Unit Integriti) berperanan dalam merancang dan melaksanakan (Nama Bengkel/ Kursus/ Latihan/ Ceramah/ Seminar / Program / Perolehan / Pembangunan dan Lain-Lain yang berkaitan).

OBJEKTIF

4. Objektif pelaksanaan (Nama Bengkel/ Kursus/ Latihan/ Ceramah/ Seminar / Program / Perolehan / Pembangunan dan Lain-Lain yang berkaitan) ini adalah seperti berikut:

- 4.1 (Objektif 1)
- 4.2 (Objektif 2)
- 4.3 (Objektif 3)

*Jenis Font Penulisan : Arial
Saiz Font : 14*

*Jenis Font Tajuk
: Arial Black
Saiz Font : 14*

BUTIRAN BENGKEL/ KURSUS/ LATIHAN/ CERAMAH/ SEMINAR / PROGRAM / PEROLEHAN / PEMBANGUNAN DAN LAIN-LAIN YANG BERKAITAN

5. Butiran Cadangan Program Adalah Seperti Yang Berikut (Untuk Pelaksanaan Bengkel/ Kursus/ Latihan/ Ceramah/ Seminar / Program / Perolehan / Pembangunan dan Lain-Lain Yang Berkaitan):

- 5.1 Peserta : XX Orang
(Nama peserta seperti di LAMPIRAN A)
- 5.2 Tarikh :
- 5.3 Tentatif Program : Seperti di LAMPIRAN B

*Nombor Muka Surat
Saiz Font : 14
Jenis Font : Arial*

→ 2

Saiz Font : 14**Jenis Font : Arial****Warna : Black, Text 1, Lighter 25%**

→ Ruj. Kami : CGSO.XXX-X/X/X JLD. X(XX)

6. Butiran cadangan perolehan ini adalah seperti yang berikut (Untuk Pelaksanaan Perolehan Bekalan / Perkhidmatan):

BIL.	BUTIRAN	KADAR (RM)	UNIT	KEKERAPAN	JUMLAH (RM)

IMPLIKASI KEWANGAN

7. Sumber kos pembiayaan (Untuk Pelaksanaan Bengkel/ Kursus/ Latihan/ Ceramah/ Seminar / Program / Perolehan / Pembangunan dan Lain-Lain Yang Berkaitan) adalah menggunakan peruntukan mengurus dibawah Objek Sebagai (OS). Perincian perbelanjaan adalah seperti di **LAMPIRAN C.**

SYOR**Jenis Font Penulisan : Arial****Saiz Font : 14**

8. Sehubungan dengan itu, (Nama Bahagian/ Negeri/ Unit Integriti) mengesyorkan supaya peruntukan (Untuk Pelaksanaan Bengkel/ Kursus/ Latihan/ Ceramah/ Seminar / Program / Perolehan / Pembangunan dan Lain-Lain Yang Berkaitan) dilaksanakan dengan mengambil kira syor sepertimana berikut:

- (i) Butiran (pegawai/ peserta) dan tarikh (penganjuran dan tempat) seperti di **perenggan X**;

Nombor Muka Surat**Saiz Font : 14****Jenis Font : Arial**

→ 3

Format Minit Bebas CGSO Versi 2.0

Saiz Font : 14

Jenis Font : Arial

Warna : Black, Text 1, Lighter 25%

→ Ruj. Kami : CGSO.XXX-X/X/X JLD. X(XX)

- (ii) Melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM XX,XXX.XX; dan
- (iii) Menggunakan kelulusan XXXXXXXXXXXX.

Sekian, terima kasih.

.....

(NAMA PENGARAH)←

**Nama Pengarah Bahagian/ Pengarah
Negeri/ Ketua Unit Integriti**

Saiz Font : 14

**Jenis Font : Arial, Huruf Besar dan
Bold**

Ruj. Kami : CGSO.XXX-X/X/X JLD. X(XX)

**ULASAN TIMBALAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN
KERAJAAN (DASAR) ATAU (OPERASI), CGSO**

☐

Menyokong kelulusan XXXXXXXXXXXXX; atau

☐

Tidak menyokong kelulusan XXXXXXXXXXXXX; atau

☐

Lain-lain keputusan.

Ulasan:

.....
(NAMA TKPKK (D) atau TKPKK (O))

Tarikh:

*Jenis Font Tajuk :
Arial Black*

Saiz Font : 14

*Jenis Font Penulisan
: Arial*

Saiz Font : 14

Saiz Font : 14

*Jenis Font : Arial, Huruf Besar dan
Bold Pada Nama Sahaja*

Jenis Font Tajuk : Arial Black

Saiz Font : 14

Ruj. Kami : CGSO.XXX-X/X/X JLD. X(XX)

ULASAN PENGARAH

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN, CGSO

☐

Menyokong kelulusan XXXXXXXXXXXXX; atau

☐

Tidak menyokong kelulusan XXXXXXXXXXXXX; atau

☐

Lain-lain keputusan.

*Jenis Font
Penulisan : Arial*

Saiz Font : 14

Ulasan:

.....
(NAMA PENGARAH BKP)

Tarikh:

Saiz Font : 14

*Jenis Font : Arial, Huruf Besar
dan Bold Pada Nama Sahaja*

Jenis Font Tajuk : Arial Black

Saiz Font : 14

Ruj. Kami : CGSO.XXX-X/X/X JLD. X(XX)

**KEPUTUSAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN
KERAJAAN, CGSO**

☐

Bersetuju kelulusan XXXXXXXXXXXXX; atau

☐

Tidak bersetuju kelulusan XXXXXXXXXXXXX; atau

☐

Lain-lain keputusan.

Jenis Font Penulisan : Arial

Saiz Font : 14

Ulasan:

.....
(NAMA KP)←

Saiz Font : 14

*Jenis Font : Arial Black, Huruf
Besar dan Bold Pada Nama Sahaja*

Tarikh:

Ruj. Kami : CGSO.XXX-X/X/X JLD. X(XX)

LAMPIRAN A

SENARAI NAMA PESERTA BAGI PROGRAM XXXXXX

BIL.	NAMA	JAWATAN	GRED
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			

SENARAI ITEM BAGI PELAKSANAAN PEROLEHAN XXXXXX

BIL.	NAMA ITEM	KADAR (RM)	KUANTITI	KEKERAPAN	HARGA KESELURUHAN (RM)
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					

Ruj. Kami : CGSO.XXX-X/X/X JLD. X(XX)

LAMPIRAN B

TENTATIF PROGRAM XXXXXX

TARIKH (HARI):

MASA	PROGRAM

Ruj. Kami : CGSO.XXX-X/X/X JLD. X(XX)

LAMPIRAN C

**PERINCIAN PERBELANJAAN BAGI PELAKSANAAN PROGRAM
XXXXXX / PEROLEHAN XXXXXX**

PERBELANJAAN	KUANTITI	KADAR (RM)	HARGA KESELURUHAN (RM)
PERKHIDMATAN MAKAN DAN MINUM			
PENGINAPAN HOTEL (LAMPIRKAN JADUAL PERBANDINGAN HARGA SEPERTI DI LAMPIRAN D)			
(Nama Pegawai Dan Gred)			
SEWA DEWAN / PERALATAN			
WARAN PERJALANAN UDARA AWAM (WPUA)			
(Nama Pegawai Dan Gred)			
LAIN - LAIN			
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			

**Contoh format lengkap minit bebas CGSO versi 2.0
yang perlu mendapatkan sokongan melalui Timbalan
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Dasar) atau
Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan
(Operasi)**



MINIT BEBAS
PENGARAH BAHAGIAN PENYELARASAN DAN KORPORAT
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN
MALAYSIA, JABATAN PERDANA MENTERI

Ruj. Kami : CGSO.400-5/2/6 JLD. 3()

Tarikh : Januari 2025

YBhg. Datuk Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan

Melalui:

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Operasi)

YBhg. Datuk,

PERMOHONAN PERUNTUKAN MAKAN DAN MINUM BAGI
MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANA TRANSFORMASI
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN
MALAYSIA (CGSO) TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

TUJUAN

2. Minit Bebas ini adalah bertujuan mendapatkan persetujuan dan kelulusan YBhg. Datuk Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) bagi

Contoh format lengkap minit bebas CGSO
yang mendapatkan sokongan melalui Timbalan Ketua Pengarah
Keselamatan Kerajaan (Operasi)

Ruj. Kami: CGSO.400-5/2/6 JLD. 3()

permohonan peruntukan makan dan minum bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Transformasi CGSO sepanjang Tahun 2025.

LATAR BELAKANG

3. Bahagian Penyelarasan dan Korporat (BPK), CGSO berperanan dalam merancang dan melaksanakan program-program berkaitan Ibu Pejabat CGSO dengan Pejabat CGSO Negeri, menjadi urus setia kepada Mesyuarat Pengarah-Pengarah Keselamatan Kerajaan, menyelaras sesi kunjungan hormat bagi YBhg. Datuk Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Sekretariat Transformasi CGSO 2030, bengkel, ceramah, lawatan kerja, sesi libat urus dan menjadi pegawai perhubungan melibatkan Kementerian/ Jabatan/ agensi Kerajaan dan pihak Swasta berkaitan.

OBJEKTIF

4. Tujuan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Transformasi CGSO Tahun 2025 diadakan adalah bagi mencapai objektif seperti berikut:

- 4.1 Mengumpul laporan pelaksanaan inisiatif setiap Bahagian di bawah CGSO setiap bulan dari Pengerusi - Pengerusi Teras;
- 4.2 Membuat pelaporan kepada Jawatankuasa Pelaksana Transformasi CGSO setiap 6 bulan; dan
- 4.3 Pemantauan pelaksanaan adalah memastikan semua program dan aktiviti terutamanya yang telah dikenal pasti sebagai aktiviti *quick wins*, dilaksanakan mengikut perancangan.

**Contoh Format Lengkap Minit Bebas CGSO
Yang Mendapatkan Sokongan Melalui Timbalan Ketua Pengarah
Keselamatan Kerajaan (Operasi)**

Ruj. Kami: CGSO.400-5/2/6 JLD. 3()

BUTIR-BUTIR PEGAWAI DAN TARIKH PENGANJURAN

5. Permohonan peruntukan makan dan minum bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Transformasi, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) Tahun 2025 adalah seperti berikut:

- 5.1 Peruntukan makan dan minum bagi perkhidmatan penyediaan secara berpakej pagi, tengah hari dan petang;
- 5.2 Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Transformasi CGSO adalah sebanyak 4 kali setahun; dan
- 5.3 Seramai 20 orang (Pengurusan Tertinggi, Pengarah Bahagian dan Urus setia) akan terlibat dengan penganjuran Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Transformasi, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).

IMPLIKASI KEWANGAN

6. Sumber kos pembiayaan permohonan peruntukan makan dan minum bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Transformasi, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) Tahun 2025 adalah dicadangkan dengan menggunakan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus CGSO. Perincian anggaran perbelanjaan dan harga bagi perkhidmatan penyediaan makan dan minum sepanjang Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Transformasi CGSO adalah seperti berikut:

**Contoh format lengkap minit bebas CGSO
yang mendapatkan sokongan melalui Timbalan Ketua Pengarah
Keselamatan Kerajaan (Operasi)**

Ruj. Kami: CGSO.400-5/2/6 JLD. 3()

BIL.	BUTIRAN	KADAR (RM)	UNIT	KEKERAPAN	JUMLAH (RM)
1.	Penyediaan sarapan pagi, makan tengah hari dan minum petang secara berpakej.	60.00	20 orang x 1 hari	4 Kali Setahun	4,800.00

SYOR

7. Sehubungan dengan itu, Bahagian Penyelarasan dan Korporat (BPK), CGSO mengesyorkan supaya peruntukan makan dan minum bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Transformasi, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) Tahun 2025 dilaksanakan dengan mengambil kira syor sepertimana berikut:

- (i) Butir - butir pegawai dan tarikh penganjuran Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Transformasi CGSO seperti di **perenggan 5**;
- (ii) Melibatkan implikasi kewangan sebanyak **RM 4,800.00** bagi kos penyediaan perkhidmatan makan dan minum secara berpakej; dan
- (iii) Menggunakan kelulusan **Peruntukan Perbelanjaan Mengurus CGSO**.

Sekian, terima kasih.

(MOHD FAIZUL BIN MOHD NOR)

**Contoh format lengkap minit bebas CGSO
yang mendapatkan sokongan melalui Timbalan Ketua Pengarah
Keselamatan Kerajaan (Operasi)**

Ruj. Kami: CGSO.400-5/2/6 JLD. 3()

**ULASAN TIMBALAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN
KERAJAAN (OPERASI), CGSO**

☐

Menyokong kelulusan Permohonan Peruntukan Makan Dan Minum Bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Transformasi, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) Tahun 2025; atau

☐

Tidak menyokong kelulusan Permohonan Peruntukan Makan Dan Minum Bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Transformasi, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) Tahun 2025; atau

☐

Lain-lain keputusan.

Ulasan:

(HJ. MOHD NAJIB BIN SURIP)

Tarikh: Januari 2025

**Contoh format lengkap minit bebas CGSO
yang mendapatkan sokongan melalui Timbalan Ketua Pengarah
Keselamatan Kerajaan (Operasi)**

Ruj. Kami: CGSO.400-5/2/6 JLD. 3()

**ULASAN PENGARAH
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN, CGSO**

- ☐ Menyokong kelulusan Permohonan Peruntukan Makan Dan Minum Bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Transformasi, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) Tahun 2025; atau
- ☐ Tidak menyokong kelulusan Permohonan Peruntukan Makan Dan Minum Bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Transformasi, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) Tahun 2025; atau
- ☐ Lain-lain keputusan.

Ulasan:

(NUR AZHANI BINTI YUNOS)

Tarikh: Januari 2025

**Contoh format lengkap minit bebas CGSO
yang mendapatkan sokongan melalui Timbalan Ketua Pengarah
Keselamatan Kerajaan (Operasi)**

Ruj. Kami: CGSO.400-5/2/6 JLD. 3()

**KEPUTUSAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN
KERAJAAN, CGSO**

☐ Bersetuju kelulusan Permohonan Peruntukan Makan Dan Minum Bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Transformasi, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) Tahun 2025; atau

☐ Tidak bersetuju kelulusan Permohonan Peruntukan Makan Dan Minum Bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Transformasi, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) Tahun 2025; atau

☐ Lain-lain keputusan.

Ulasan:

(DATUK MAS RIZAL BIN MOHD HILMI)

Tarikh: Januari 2025

**Contoh format lengkap minit bebas CGSO
yang mendapatkan sokongan melalui Timbalan Ketua Pengarah
Keselamatan Kerajaan (Operasi)**

**Contoh format lengkap minit bebas CGSO
yang perlu mendapatkan sokongan melalui Timbalan
Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK, JPM) dan Kelulusan
oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN)**



**MINIT BEBAS
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN
MALAYSIA, JABATAN PERDANA MENTERI**

Ruj. Kami : CGSO.600-4/1/4 (5)(S)

Tarikh : Januari 2025

YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara

Melalui :

YBhg. Datuk Timbalan Ketua Setiausaha Kanan

YBhg. Tan Sri,

**CADANGAN MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN
JABATAN-JABATAN KERAJAAN BILANGAN 1 TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya izinkan saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri kepada perkara di atas.

TUJUAN

2. Minit Bebas ini bertujuan mendapatkan persetujuan dan kelulusan YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara berkenaan Cadangan Mesyuarat

**Contoh format lengkap minit bebas CGSO
yang perlu mendapatkan sokongan melalui Timbalan Ketua Setiausaha
Kanan (TKSUK, JPM) dan Kelulusan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN)**

Ruj. Kami : CGSO.600-4/1/4 (5)(S)

Jawatankuasa Keselamatan Jabatan-Jabatan Kerajaan (JKJK) Bilangan 1 Tahun 2025.

LATAR BELAKANG

3. Untuk makluman YBhg. Tan Sri, merujuk kepada Perenggan 28, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) memberi kuasa kepada Jemaah Menteri untuk menetapkan dasar keselamatan perlindungan dengan nasihat daripada Jawatankuasa Keselamatan Jabatan-Jabatan Kerajaan (JKJK) yang dianggotai oleh para pegawai antara jabatan dan juga ahli jemputan.

4. JKJK ini bertujuan untuk membantu Jemaah Menteri dalam menetapkan dasar, peraturan dan prosedur dalam mengekang ancaman keselamatan semasa serta merencana tindakan yang perlu diambil dalam menangani insiden-insiden pelanggaran keselamatan perlindungan yang berlaku.

OBJEKTIF

5. Jawatankuasa Keselamatan Jabatan-Jabatan Kerajaan adalah bertanggungjawab secara langsung kepada Y.A.B Perdana Menteri. Terma Rujukan jawatankuasa meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- i. Membincangkan isu-isu terkini berhubung ancaman keselamatan di Jabatan-Jabatan Kerajaan;
- ii. Mengenal pasti strategi bagi menangani ancaman keselamatan di Jabatan-Jabatan Kerajaan;

**Contoh format lengkap minit bebas CGSO
yang perlu mendapatkan sokongan melalui Timbalan Ketua Setiausaha
Kanan (TKSUK, JPM) dan Kelulusan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN)**

Ruj. Kami : CGSO.600-4/1/4 (5)(S)

- iii. Menentukan dan memastikan pelaksanaan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) di Jabatan-Jabatan Kerajaan;
- iv. Memantau pengurusan dan tadbir urus keselamatan perlindungan di Jabatan-Jabatan Kerajaan;
- v. Menggubal dasar, peraturan, arahan serta prosedur tambahan berhubung keselamatan perlindungan di Jabatan-Jabatan Kerajaan;
- vi. Menyelaras tindakan terhadap insiden pelanggaran keselamatan perlindungan di Jabatan-Jabatan Kerajaan;
- vii. Membincangkan isu, strategi dan kawalan keselamatan data dan maklumat Kerajaan dalam persekitaran ICT;
- viii. Menimbang dan menentukan seseorang yang tidak taat setia kepada negara dan kejujurannya meragukan tidak akan menerima sebarang pekerjaan atau dilanjutkan dalam pekerjaan yang membolehkan ia melibatkan diri dalam pengurusan rahsia rasmi; dan
- ix. Menentukan tindakan-tindakan terhadap mana-mana Ketua Jabatan dan yang berkaitan jika gagal melaksanakan tugas-tugasnya mengikut peruntukan:-
 - a) Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
 - b) Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017); dan

**Contoh format lengkap minit bebas CGSO
yang perlu mendapatkan sokongan melalui Timbalan Ketua Setiausaha
Kanan (TKSUK, JPM) dan Kelulusan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN)**

Ruj. Kami : CGSO.600-4/1/4 (5)(S)

- c) Perkara 4, Bahagian II Tatakelakuan, Bab D, Perintah-Perintah Am.

6. Bagi meningkatkan lagi penyelarasan dasar dan langkah-langkah melindungi aset dan kerahsiaan maklumat-maklumat Kerajaan di peringkat strategik, keahlian JKJK adalah seperti berikut:

Pengerusi	: Ketua Setiausaha Negara
Ahli	: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
(Pengerusi Ganti)	: Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan
	: Peguam Negara
	: Ketua Polis Negara
	: Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri
	: Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri
	: Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri
	: Ketua Pengarah Keselamatan Negara
	: Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya
	: Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
	: Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia (ATM)

**Contoh format lengkap minit bebas CGSO
yang perlu mendapatkan sokongan melalui Timbalan Ketua Setiausaha
Kanan (TKSUK, JPM) dan Kelulusan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN)**

Ruj. Kami : CGSO.600-4/1/4 (5)(S)

: Lain-lain ahli yang difikirkan perlu

Setiausaha : Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan

7. Kali terakhir mesyuarat ini bersidang adalah pada 25 April 2024. Antara perkara-perkara yang telah dibincang dan dipersetujui di dalam mesyuarat tersebut adalah:

- i. Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2024 Penubuhan dan Pengurusan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan (JKP) di Jabatan Kerajaan bertarikh 2 Mei 2024;
- ii. Penubuhan Bahagian Keselamatan Perlindungan di Peringkat Kerajaan (BKeP); dan
- iii. Makluman berkaitan penama berekod Tapisan Keselamatan Pegawai Awam.

CADANGAN

8. Untuk makluman dan pertimbangan YBhg. Tan Sri, pada kali ini CGSO bercadang untuk membentangkan dua (2) kertas pertimbangan dan tiga (3) kertas makluman seperti berikut :

8.1 Kertas Pertimbangan-

- i. Cadangan Pemusatan Perkhidmatan Keselamatan Siber Kerajaan Malaysia; dan
- ii. Cadangan Penubuhan Pasukan Pemeriksaan Keselamatan ICT Kerajaan.

**Contoh format lengkap minit bebas CGSO
yang perlu mendapatkan sokongan melalui Timbalan Ketua Setiausaha
Kanan (TKSUK, JPM) dan Kelulusan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN)**

Ruj. Kami : CGSO 600-4/1/4 (5)(S)

8.2 Kertas Makluman-

- i. Surat Pekeliling Am Bilangan [X] Tahun 2025: Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan Dalam Perkhidmatan Awam (*Business Continuity Management (BCM)*);
- ii. Surat Pekeliling Am Bilangan 8 Tahun 2024 – Garis Panduan Pengurusan Dan Pengendalian Rahsia Rasmi Dalam Perkhidmatan Awam; dan
- iii. Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2021 – Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Maklumat Melalui Pengkomputeran Awan (*Cloud Computing*) Dalam Perkhidmatan Awam Versi 2.0.

BUTIR-BUTIR CADANGAN MESYUARAT, TARIKH DAN LOKASI PENGANJURAN

9. Dengan segala hormat dan takzimnya, saya memohon pertimbangan dan persetujuan YBhg. Tan Sri akan cadangan untuk mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan-Jabatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2025 adalah seperti berikut:

Tarikh : 6 Februari 2025 (Khamis)

Masa : 9.30 pagi

**Tempat : Dewan Persidangan ICU, Jabatan Perdana Menteri
Aras 1, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra**

**Contoh format lengkap minit bebas CGSO
yang perlu mendapatkan sokongan melalui Timbalan Ketua Setiausaha
Kanan (TKSUK, JPM) dan Kelulusan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN)**

Ruj. Kami : CGSO.600-4/1/4 (5)(S)

SYOR

10. Sehubungan dengan itu, sukacita Minit Bebas Cadangan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan-Jabatan Kerajaan (JKJK) Bilangan 1 Tahun 2025 ini diangkat kepada YBhg. Tan Sri untuk pertimbangan dan nasihat sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

(DATUK MAS RIZAL BIN MOHD HILMI)
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia

Tarikh: Januari 2025

**Contoh format lengkap minit bebas CGSO
yang perlu mendapatkan sokongan melalui Timbalan Ketua Setiausaha
Kanan (TKSUK, JPM) dan Kelulusan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN)**

Ruj. Kami : CGSO.600-4/1/4 (5)(S)

ULASAN TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN

☐

Bersetuju kelulusan Cadangan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan-Jabatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2025; atau

☐

Tidak bersetuju kelulusan Cadangan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan-Jabatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2025 atau

☐

Lain-lain keputusan.

Ulasan:

(DATUK ABD SHUKOR BIN MAHMOOD)

Tarikh:

**Contoh format lengkap minit bebas CGSO
yang perlu mendapatkan sokongan melalui Timbalan Ketua Setiausaha
Kanan (TKSUK, JPM) dan Kelulusan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN)**

Ruj. Kami : CGSO.600-4/1/4 (5)(S)

KEPUTUSAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA

☐

Bersetuju kelulusan Cadangan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan-Jabatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2025; atau

☐

Tidak bersetuju kelulusan Cadangan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan-Jabatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2025 atau

☐

Lain-lain keputusan.

Ulasan:

(TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR)

Tarikh:

**Contoh format lengkap minit bebas CGSO
yang perlu mendapatkan sokongan melalui Timbalan Ketua Setiausaha
Kanan (TKSUK, JPM) dan Kelulusan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN)**

TARIKH KUAT KUASA

8. Arahan pentadbiran ini berkuat kuasa mulai tarikh arahan ini dikeluarkan.

“MALAYSIA MADANI”

“RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK MAS RIZAL BIN MOHD HILMI)
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan

Tarikh: 24 Januari 2025



MINIT BEBAS
PENGARAH BAHAGIAN PENYELARASAN DAN KORPORAT
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN
MALAYSIA, JABATAN PERDANA MENTERI

Ruj. Kami : CGSO.100-1/5/1(5)

Tarikh : 23 Januari 2025

YBhg. Datuk Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan

Melalui:

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Dasar)

YBhg. Datuk,

GARIS PANDUAN PENULISAN MINIT BEBAS VERSI 2.0
ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN
KERAJAAN BILANGAN 1 TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya izinkan saya menarik perhatian YBhg. Datuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk, bersama-sama ini disertakan **Garis Panduan Penulisan Minit Bebas versi 2.0** sebagai panduan bagi membantu warga CGSO dalam penyediaan minit bebas mengikut tatacara yang betul, tepat, jelas dan penggunaan format yang seragam.

3. Garis panduan ini merupakan Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2025 sebagai penambahbaikan penulisan minit bebas untuk meningkatkan keberkesanan komunikasi dalaman dan luaran di CGSO.
4. Garis panduan ini diangkat untuk pandangan dan nasihat YBhg. Datuk, selanjutnya.

Sekian, terima kasih.



(MOHD FAIZUL BIN MOHD NOR)

**ULASAN TIMBALAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN
KERAJAAN (DASAR), CGSO**

☒

Menyokong kelulusan Garis Panduan Penulisan Minit Bebas Versi 2.0 Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2025; atau

☐

Tidak menyokong kelulusan Garis Panduan Penulisan Minit Bebas Versi 2.0 Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2025; atau

☐

Lain-lain keputusan.

Ulasan:


(JULAILA BINTI ENGAN)

Tarikh: 28 Januari 2025

**KEPUTUSAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN
KERAJAAN, CGSO**

☒

Bersetuju kelulusan **Garis Panduan Penulisan Minit Bebas Versi 2.0 Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2025; atau**

☐

Tidak bersetuju kelulusan **Garis Panduan Penulisan Minit Bebas Versi 2.0 Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2025; atau**

☐

Lain-lain keputusan.

Ulasan:


(DATUK MAS RIZAL BIN MOHD HILMI)

Tarikh: 24 Januari 2025